



**MEMO**

**Bilangan** : **3/2022**

**Kepada** : **Semua pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM  
(Kampus Bangi)**

**Daripada** : **Cik Nur Shamim binti Hamzah**  
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM  
Kampus Bangi

**Puan Hawa Aqilah binti Hamuzan**  
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM  
Kampus Seremban

**Salinan kepada** : **Prof. Madya Dr. Rorlinda binti Yusof**  
Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

**Encik Mohd Hakimie bin Zainal Abidin**  
Timbalan Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

**Pn Siti Aishah binti Hassan**  
Ketua Kolej, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM

**Tarikh** : **25 Januari 2022 (Selasa)**



## PINDAAN PEMAKLUMAN STATUS PULANG CUTI PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAJAR KOLEJ GENIUS@Pintar NEGARA (KAMPUS BANGI) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### 1.0 Latar Belakang

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan status **TERKINI** pulang pelajar Tahap 1 dan Tahap 2 bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina dan Prosedur Operasi Standard pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM.
- 1.2 Memo ini berpandukan kepada makluman yang disampaikan secara verbal oleh Setiausaha Bahagian GENIUS melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 23 Januari 2021 dan Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah 3.0.

### 2.0 Status Pulang Semasa Perayaan Tahun Baru Cina dan

- 2.1 **SEMUA** pelajar Tahap 1 di Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Bangi **WAJIB** pulang ke kediaman/penempatan masing-masing pada **28 Januari 2022 (Jumaat)** mulai jam **12.00 tengah hari** sehingga tamat cuti penggal 3. Pelajar akan menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
- 2.2 Sementara, **SEMUA** pelajar Tahap 2 termasuk pelajar berbangsa Cina **WAJIB** kekal berada di Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Bangi semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina sehingga tamat menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).
- 2.3 Pelajar Asas 3 akan kekal berada di penempatan/kediaman masing-masing sehingga tamat cuti penggal 3 dan akan menjalani Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
- 2.4 Setiap kebenaran rasmi untuk urusan peribadi/kecemasan yang telah diberikan kepada pelajar Tahap 2 sebelum ini **DITARIK SERTA MERTA**.

### 3.0 Pengosongan Asrama dan Proses Pengendalian Barang

- 3.1 Pelajar Tahap 1 **WAJIB** melakukan *full clearance* barangan di bilik masing-masing kerana akan berlaku penyusunan semula penempatan pelajar di Kampus Bangi pada kemasukan sesi baharu. Penyusunan semula adalah kerana melibatkan perpindahan pelajar dari Kampus



**PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA • GENIUS@Pintar NATIONAL GIFTED CENTRE**

Seremban disebabkan oleh proses pengubahsuaian bangunan asrama di kampus Seremban.

- 3.2 Pelajar kampus Bangi **DIBENARKAN** menyimpan barangan yang tidak berharga di bilik setor yang disediakan di asrama sekiranya menghadapi kekangan untuk membawa pulang kesemua barangan tersebut. Setiap barangan yang ditinggalkan di dalam setor perlu dikumpul/diikat dengan kemas dan **WAJIB** dilabelkan dengan butiran nama dan kelas masing-masing.
- 3.3 Barang-barang yang disimpan di dalam setor adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab sendiri. Pihak kolej **TIDAK AKAN** bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang yang disimpan di dalam bilik setor.
- 3.4 Pelajar **TIDAK AKAN DIBERI** pelepasan pulang sekiranya pelajar gagal meninggalkan bilik dalam keadaan yang bersih, kemas dan teratur berdasarkan spesifikasi standard yang ditetapkan berdasarkan pemantauan oleh pihak warden dan felo.

4.0 Pengangkutan Pelajar

- 4.1 Pihak pusat menggalakkan pelajar yang tinggal di negeri-negeri Semenanjung Malaysia untuk pulang dengan menaiki **kenderaan persendirian** ibu bapa/penjaga masing-masing. Hal ini penting bagi mengurangkan risiko pelajar terdedah kepada jangkitan virus COVID-19 jika menaiki kenderaan awam.
- 4.2 Kenderaan yang digunakan untuk menghantar pelajar perlulah diselenggara, berada dalam keadaan selamat dan disanitasi serta mempunyai pemandu kedua (bas yaysan/persatuan anak negeri).

5.0 Pengurusan Kesihatan

- 5.1 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan yang **SIHAT** dan **TIDAK BERGEJALA** sahaja dibenarkan untuk menjemput anak/anak jagaan.
- 5.2 Hanya **DUA** orang dalam kalangan ibu bapa/penjaga/pihak yang dipertanggungjawabkan dengan **IMUNISASI LENGKAP** sahaja dibenarkan menjemput anak/anak jagaan.
- 5.3 Setiap pelajar **WAJIB** menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri sepanjang perjalanan.

**PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar



## 6.0 Pengurusan Kaedah Pandu Lalu

- 6.1 Setiap individu dalam kenderaan **WAJIB** mengimbas kod QR *MySejahtera* di pintu pagar utama sebelum menjemput anak/anak jagaan.
- 6.2 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan hanya dibenarkan menjemput anak/anak jagaan di *pick up point* yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.
- 6.3 *Pick up point* di Kampus Bangi adalah di sepanjang **Lobi Utama Dewan Makan**.
- 6.4 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk turun daripada kenderaan masing-masing sepanjang berada di kawasan kolej.
- 6.5 Ibu bapa/Penjaga/Pihak yang dipertanggungjawabkan adalah **DILARANG** untuk meletakkan kenderaan di kawasan larangan seperti di kompaun blok asrama, blok pembelajaran dan kompleks sukan. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya peraturan tersebut gagal dipatuhi oleh ibu bapa.

## 7.0 Peraturan Keselamatan

- 7.1 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk aktiviti keluar (outing) dan pulang bermalam sepanjang berada di kolej termasuk semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina.
- 7.2 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat sebarang pesanan makanan melalui perkhidmatan *food panda*, *grabfood*, *shopee food* dan sebagainya sepanjang berada di kampus.
- 7.3 Ibu bapa/Penjaga **TIDAK DIBENARKAN** untuk melawat anak/ anak jagaan di kolej termasuk semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina.
- 7.4 Ibu bapa/Penjaga **TIDAK DIBENARKAN** menghantar barang secara langsung kepada anak/anak jagaan di kolej termasuk semasa cuti perayaan Tahun Baru Cina. Ibu bapa/Penjaga **HANYA DIBENARKAN** untuk menghantar barang di pejabat pentadbiran ketika waktu pejabat dan kepada warden di luar waktu pejabat.



---

**PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA • GENIUS@Pintar NATIONAL GIFTED CENTRE**

- 7.5 Pihak kolej akan meminta pelajar pulang serta merta sekiranya klausa 7.1, 7.2, 7.3 dan 7.4 gagal dipatuhi.


Segala peraturan dan ketetapan yang digariskan ini bertujuan untuk mengawal penularan wabak COVID-19. Terima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan ibu bapa/penjaga dan para pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara dalam mematuhi perkara.

Sekian.



### Pergerakan Pandu Lalu Kampus Bangi

PETUNJUK	
BT	BLOK PENTADBIRAN
BM.A	BLOK MAKMAL A
BM.B	BLOK MAKMAL B
BK.A	BLOK KELAS PEMBELAJARAN A
BK.B	BLOK KELAS PEMBELAJARAN B
BP	BLOK PENSYARAH
BA.A	BLOK ASRAMA A (PEREMPUAN)
BA.B	BLOK ASRAMA B (PEREMPUAN)
BA.C	BLOK ASRAMA C (LELAKI)
BA.D	BLOK ASRAMA D (LELAKI)
KF	KAFETERIA
DS	DEWAN SERBAGUNA
DM	DEWAN MAKAN
AD	AUDITORIUM
KR	KOLAM RENANG
PD	PADANG
PP	PONDOK PENGAWAL
RS	RUMAH SAMPAH



Petunjuk Arah:  
- - - - - ➔ Laluan Masuk  
- - - - - ➔ Laluan Keluar

**PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: [www.ukm.my/geniuspintar](http://www.ukm.my/geniuspintar)